

**PELAN LATIHAN
(*TRAINING ROADMAP*)
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
EDISI KE-2**

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Prakata	i
2.	Pelan Latihan Jabatan	ii - v
3.	Pelan Latihan Akauntan	1
4.	Pelan Latihan Penolong Akauntan	27
5.	Pelan Latihan Pembantu Akauntan	46
6.	Pelan Latihan Pembantu Operasi / Awam	65

PRAKATA DARIPADA AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,




Bersyukur ke hadrat Ilahi, Pelan Latihan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Edisi Ke-2 dapat diterbitkan pada tahun ini. Pengeluaran edisi ke-2 ini adalah sebagai usaha penambahbaikan berterusan kepada Pelan Latihan JANM sedia ada disamping pengemaskinian selari dengan keperluan Sektor Awam pada masa kini.

Selaku Ketua Perkhidmatan Perakaunan dan Ketua Jabatan, menerusi Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM sentiasa menggandakan usaha dalam memberi penekanan terhadap pembangunan Modal Insan sebagai satu landasan ke arah kecemerlangan organisasi dan untuk kekal relevan dengan keperluan semasa. Jabatan sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk kompetensi umum dan teknikal.

Justeru, saya berharap Pelan Latihan JANM Edisi Ke-2 ini dapat dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada semua anggota Perkhidmatan Perakaunan dan Bukan Gunasama Lantikan JANM dalam usaha melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian melalui program latihan yang terancang.

Sekian, terima kasih. Wasalam.



Dato' Haji Che Pee bin Samsudin C.A(M)
Akauntan Negara Malaysia

14 April 2016

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pelan Latihan Jabatan Akauntan Negara (JANM) Edisi Ke-2 dirangka berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005: Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Ia merupakan pengemaskinian kepada Pelan Latihan JANM yang asal.
- 1.2 Pengemaskinian kursus/program di dalam Pelan Latihan JANM Edisi Ke-2 ini adalah berdasarkan Kajian Keperluan Latihan yang telah dilaksanakan disamping mengambilkira keperluan dasar perakaunan kerajaan terkini iaitu Perakaunan Akruan, serta strategi dan dasar sektor awam yang sedang berkuatkuasa.

2. PELAN LATIHAN JANM

2.1 Objektif Latihan

Objektif utama Pelan Latihan JANM adalah untuk memastikan setiap anggota perkhidmatan perakaunan dan anggota bukan gunasama yang dilantik oleh JANM melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian melalui program latihan yang terancang seperti berikut:

- i. Membolehkan anggota mencapai hasil kerja yang berkualiti dan bermutu tinggi;
- ii. Menyediakan anggota yang berkebolehan dan berkemahiran dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab;
- iii. Meningkatkan tahap kompetensi dan produktiviti anggota;
- iv. Meningkatkan kemahiran, kebolehan dan pembangunan diri dan kerjaya anggota;
- v. Memupuk nilai-nilai murni dan sikap positif di kalangan anggota;
- vi. Memberi pendedahan pelbagai idea dan pengalaman.

2.2 Dasar Latihan

Pelan Latihan ini disediakan selari dengan objektif jabatan dan pelan strategik JANM iaitu untuk memantapkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan serta pemerkasaan keupayaan dan kapasiti modal insan. Dasar latihan ini meliputi perkara berikut:

- i. Setiap anggota perkhidmatan perakaunan dan anggota bukan gunasama yang dilantik oleh JANM perlu melalui pusingan latihan yang lengkap bagi meningkatkan kompetensi masing-masing;
- ii. Latihan yang disediakan hendaklah memberi keutamaan kepada usaha meningkatkan kepakaran dan kemahiran, serta memenuhi tahap keperluan organisasi dan berkaitan dengan bidang tugas;
- iii. Latihan akan dilaksanakan melalui kursus samada anjuran Institut Latihan Awam atau anjuran swasta di dalam dan di luar negara, seminar, bengkel, simposium, konvensyen, forum, persidangan, lawatan sambil belajar, program sangkutan serta penempatan silang.
- iv. Pemilihan calon untuk mengikuti kursus pendek di luar negara hendaklah tertakluk kepada kesesuaian kursus dengan tugas dan tanggungjawab anggota dan mematuhi syarat seperti berikut:
 - a) Berumur sekurang-kurangnya 35 tahun atau telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun pada tahun memohon;
 - b) Mencapai markah Laporan Nilain Prestasi (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun terakhir;
 - c) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun tempoh perkhidmatan sebelum bersara;
 - d) Tidak mengikuti kursus pendek/ latihan di luar negara dalam tempoh 2 tahun kebelakangan;
 - e) Kursus-kursus yang perlu dan tidak dapat dikelola atau dianjurkan oleh institusi latihan di dalam negara;

f) Tempoh kursus yang terlalu pendek (1 hingga 4 hari) tidak dibenarkan;

Pengecualian syarat di para iv(a – f) adalah tertakluk kepada kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) atau Jawatankuasa Latihan JANM.

2.3 Strategi Latihan

Pelan Latihan JANM dilaksanakan dengan menggunakan strategi-strategi seperti berikut:

- i. Mengenalpasti keperluan latihan di samping mengambilkira proses pembelajaran berterusan.
- ii. Melaksanakan *Training Need Analysis* (TNA) berteraskan kompetensi kepada anggota perkhidmatan perakaunan. Hasil kajian TNA diterjemahkan kepada Pelan Latihan JANM;
- iii. Menyediakan peruntukan sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen jabatan untuk melatih anggota perkhidmatan perakaunan dan anggota bukan gunasama lantikan JANM;
- iv. Memastikan keberkesanan latihan melalui Laporan Kursus serta Laporan Penilaian Keberkesanan Latihan oleh penyelia ke atas pegawai selepas tiga (3) bulan pegawai menghadiri latihan.
- v. Memantau pelaksanaan latihan semua anggota perkhidmatan perakaunan dan anggota bukan gunasama lantikan JANM melalui mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) yang dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia.

2.4 Pelaksanaan Pelan Latihan

Bagi tujuan mencapai objektif dan merealisasikan Dasar Latihan JANM, Pelan Latihan ini telah dirancang sebaiknya untuk semua anggota perkhidmatan perakaunan dan dan anggota bukan gunasama lantikan JANM. Aspek pendedahan, penerapan, pembangunan dan peningkatan serta pengukuhan kompetensi bagi setiap peringkat jawatan telah diambil kira. Pelan latihan akan dikaji semula selepas dua (2) tahun.

Semua anggota perkhidmatan perakaunan dan anggota bukan gunasama lantikan JANM adalah bertanggungjawab ke atas Pelan Latihan JANM dalam perkara-perkara berikut:

- i. Menghadiri dan mengikuti kursus yang ditetapkan dengan penuh komitmen dan jaya;
- ii. Mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran dengan mencari peluang-peluang latihan yang disediakan samada awam atau swasta, dalam dan luar negara;
- iii. Mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui latihan ke dalam tugas harian dan berkongsi ilmu pengetahuan yang diperoleh di tempat kerja masing-masing.

3. PENUTUP

Pelan Latihan JANM Edisi 2 ini diharap dapat menjadi panduan kepada semua anggota Perkhidmatan Perakaunan dan Bukan Gunasama Lantikan JANM mencapai objektif ke arah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Warga kerja yang mahir, berpengetahuan dan terlatih akan meningkatkan kecekapan prestasi dan produktiviti organisasi dalam memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang berkualiti.